



**IKLAN JAWATAN KOSONG
JABATAN DIRAJA JOHOR**

SKIM PERKHIDMATAN	: PEMBANTU KHIDMAT AM
TARAF JAWATAN	: KONTRAK
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
GRED JAWATAN	: H1
KEKOSONGAN	: 17 KEKOSONGAN
TARIKH BUKA	: 01 MEI 2025
TARIKH TUTUP	: 31 MEI 2025
JADUAL GAJI	:

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,500.00	RM4,680.00	RM100.00

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau

- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00);

- dan (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas 1(b) (i).

Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan)

- b. (i) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

KEMUDAHAN ELAUN

- 3. i. Imbuhan Tetap Khidmat Awam - RM115.00
- ii. Imbuhan Tetap Perumahan - RM300.00.
- iii. Elaun Bantuan Sara hidup - RM350.00.
- iv. Faedah rawatan perubatan (diri [isteri/suami] / ibu/bapa kandung / anak-anak)
- v. Lain-lain elaun serta kemudahan yang melayakkan oleh perkhidmatan mereka.

DESKRIPSI TUGAS :

- i. Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan / jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan / jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, Kenderaan ringan pacuan empat roda dan lori.

@atau;

- ii. Melaksanakan tugas-tugas sebagai pelayan santapan di istana-istana yang diarahkan dan di tempat-tempat majlis rasmi dan tidak rasmi di dalam atau di luar negeri, membersihkan dan mencuci alatan serta mengemas kawasan yang ditetapkan serta melaporkan kerosakan dan menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

@atau;

- iii. Melaksanakan tugas-tugas sebagai pembantu dapur, mencuci dan mengemas alat kelengkapan memasak dan melaporkan kerosakan alat kepada penyelia serta melaporkan kerosakan dan menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

@atau;

- iv. Melaksanakan tugas-tugas am seperti membantu persiapan persalinan pakaian, membersihkan dan mencuci alatan serta mengemas kawasan yang ditetapkan melaporkan kerosakan dan menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

@atau;

- v. Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen/saman/notis serta bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan di luar pejabat.

@atau;

- vi. Melaksanakan tugas-tugas pembersihan di dalam dan diluar kawasan yang diarahkan, mencuci dan mengemas alatan dan perkakas, melaporkan kerosakan kepada penyelia dan menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- a. Permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh diperolehi di pejabat ini dengan cara datang sendiri pada waktu pejabat atau dimuat turun daripada laman web rasmi Kerajaan Negeri Johor di <https://www.johor.gov.my/> atau melalui 'online' di <https://jawatan.johor.gov.my>
- b. Borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan dengan gambar berukuran passport terkini dan salinan sah bagi dokumen-dokumen berikut :-

- (i) Sijil Kelahiran;
- (ii) Kad Pengenalan;
- (iii) Sijil Berhenti Sekolah;
- (iv) Sijil keputusan Peperiksaan
- (v) Sijil-sijil kelulusan Yang lain

Semua salinan dokumen tersebut hendaklah diakui salinan sah oleh Pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun kumpulan A dan B/Penghulu, Pegawai dalam Perkhidmatan Perundangan dan kehakiman seperti Majistret/Pegum. Setiap pengesahan hendaklah dicop Nama, Jawatan dan Jabatan oleh pihak yang mengesahkan.

- c. Permohonan daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan
Hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut peruntukan Perintah Am Bab A Bil. 21 dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini berserta Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang Terkini.
- d. Borang permohonan yang lengkap dipenuhi hendaklah dihantar ke alamat :

**PENGELOLA BIJAYA DIRAJA JOHOR,
ARAS 1, BANGUNAN SULTAN IBRAHIM,
BUKIT TIMBALAN,
80000 JOHOR BAHRU.**

CATATAN AM :

- a. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- b. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka TIDAK BERJAYA;
- c. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.

Sekian, terima kasih.